
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HKT 222 – Kesusasteraan dan Disiplin Bantu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Kesusasteraan adalah bidang ilmu yang luas dan dapat merentasi pelbagai disiplin ilmu yang lain. Bincangkan faedah-faedah yang diperolehi dalam kajian kesusasteraan yang rentas disiplin ini dan permasalahan-permasalahan yang mungkin menjadi halangnya.
2. Dari sudut psikoanalisis, hasil kesusasteraan adalah luahan emosi alam bawah sedar (*unconscious*) seorang pengarang. Bincangkan pandangan ini dan faktor-faktor yang menyumbang kepada ilham pengarang.
3. Apakah yang anda faham dengan sublimasi (*sublimation*) dan bagaimana proses sublimasi membolehkan naluri (*libido*) pengarang bertukar kepada tujuan-tujuan yang membawa faedah kepada masyarakat.
4. Konsep perjuangan kelas (*class struggle*) merupakan fenomena yang lumrah berlaku dalam kehidupan masyarakat seluruh dunia. Huraikan sejarah awal kemunculan konsep ini dan bagaimana ia boleh dimanfaatkan dalam kajian kesusasteraan.
5. Sebuah hasil kesusasteraan boleh menjadi dokumen sosial atau alat propaganda yang sangat berkesan dalam kajian sosiologi. Bincangkan.
6. Falsafah Abadi hanya wujud kepada pengarang yang hidup dalam persekitaran masyarakat yang kuat terikat kepada pegangan agama dan budaya tradisi. Bincangkan pandangan ini dalam konteks kelahiran karya kerohanian Melayu masa silam dan masa kini.
7. Beberapa unsur pemikiran yang tercerna dalam hasil kesusasteraan Melayu tradisional boleh menjadi asas kepada pembinaan falsafah bangsa Melayu. Bincangkan.